

ADAT BERKEDIN  
AUR SERUMPUN

OLEH  
KHALID BONGET.

ADAT BERKEDIN AUR SERUMPUN  
LUAK ULU MUAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Oleh :

Dato' Seri Maharaja  
Dato' Khalid bin Bonget PK, PJK.

## **Adat Berkedin Aur Serumpun Luak Ulu Muar, Negeri Sembilan Darul Khusus**

### Huraian Erti ' Berkedin '

' **Berkedin** ' maknanya ' **bersaudara** ' . Adat Berkedin ertinya mengaku bersaudara antara seorang individu dengan ibu angkatnya. Begitu juga dengan adik beradik, anak beranak, ibu angkatnya bahkan semua anggota suku itu amnya.

Adat Berkedin juga dikenali dengan kata lain " **Masuk Suku** " khususnya orang-orang luar Negeri Sembilan lebih sinonim istilah " **Masuk Suku** " hinggakan kadang kala dipermainkan dan dipersenda-guraukan ! . Misalnya : Kalau orang luar berkahwin di Negeri Sembilan kenalah " masuk suku " sahaja !.... I hope you catch the joke .

### **Sebab-sebab Berkedin.**

Berkedin tentulah ada sebab dan kerananya. Tidak mungkin saja-saja atau suka-suka. Pertama orang dagang atau seorang perantau yang datang ke Negeri Sembilan , dia tentu berasa sunyi ; maka diapun mencari ' emak angkat ' atau ' induk semang ' Adat Perpatih menggariskan :

Kok perantau bertambahan  
Kok dagang bertepatan/bertepatan

Di masa lampau sekiranya lelaki luar, Negeri Sembilan hendak berkahwin dengan seorang gadis di Kuala Pilah umpamanya dia terlebih dahulu dikedinkan dimana-mana suku dua belas dalam Luak Ulu Muar ini. Tetapi tidak kepada Suku bakal isterinya ini kerana Adat Perpatih mengamalkan sistem " Eksogomi " iaitu " Kahwin di luar Suku " . Perkahwinan yang idel dalam masyarakat Adat Perpatih ialah antara pasangan lain suku, dan dalam sesuatu perkahwinan - Suami tinggal dirumah isteri ( Matrilocal ).

Juga dimasa silam masyarakat Adat Perpatih menuntut khususnya anak-anak muda yang belum berkahwin keluar dari kampung dan merantau ke negeri-negeri orang. Pertama untuk bekerja dan mencari kekayaan di samping menengok dan mempelajari adat resam orang luar. Sebuah pantun adat jelas mengaitkan saranan keluar merantau ini.

Keratau medang di hulu  
Berbunga berbuah belum  
Merantau bujang dahulu  
Dirumah berguna belum

" The one that of paramount important "

### **Adat Berkedin Aur Serumpun "**

Yang paling matan dalam Adat Berkedim ialah kerana " TIDAK " ada " anak perempuan ". Anak perempuan penting untuk perkembangan suku. Anggota suku dikira dari keturunan pihak perempuan, suku akan musnah atau pupus tanpa anak perempuan. Tanah Pesaka Adat akan jatuh kepada keluarga lain atau suku. Adat Perpatih menfatwakan :

Habis nan setampok  
Pulang ke nan sejengkal  
Habis nan sejenkal  
Pulang ke nan sehasta  
Habis nan sehasta  
Pulang ke nan sedepa  
Putus tali, putus kelindan  
Pulang ke suku nan berjurai.

### **Nilai Sosial dan Ekonomi Anak Perempuan dalam Adat Perpatih.**

Anak perempuan paling penting pada seorang ibu . Anak perempuan dapat menolongnya ke dapur, menjaganya waktu sakit-pening kepada saudara -saudara lelaki pula kakak atau adik perempuan adalah tempat mereka minta nasi atau air. Kata-kata anak perempuan lebih setia kepada ibu bapa, berbanding anak lelaki. Tanah- tanah Pesaka Adat diberikan kepada anak-anak perempuan. Justeru itu seolah-olah wujud satu macam " social contract " atau obligasi anak perempuan terhadap ibubapa . Menjaga dan memelihara mereka waktu tua.

## **Jenis-jenis berkedin**

Berkedin terbahagi kepada 2 ( dua ) :

1. Berkedin pinang sebatang - atau " Berkedin sebilah lantai dan selayar atap ". Ia diselesaikan oleh Buapak sahaja.
2. Berkedin Aur Serumpun atau Berkedin Adat Dan Pesaka. Ia melibatkan Buapak, Besar Waris, Lembaga dan Penghulu Luak.

Dua jenis berkedin ini berbeza adat dan istiadatnya, syarat dan rukunnya. Fungsinya juga berlainan. Berkedin Pinang Sebatang lebih menjurus kepada sekadar menjalin ikatan saudara . Ikatan keluarga ini memberi manfaat kepada individu yang berkedin.

Dia telah ada tempat untuk mengadu hal sakit pening telah ada orang yang akan mengambil tahu . Adat berkata ,

Kok panas tempat berlindung  
Kok hujan tempat berteduh  
Haus memberi air  
Litak memberi nasi

## **Pengertian Berkedin Aur Serumpun atau Berkedin Adat dan Pusaka**

Berkedin jenis ini bukan saja sekadar menjalin tali persaudaraan tetapi lebih jauh daripada itu. Ia benar-benar menjurus kepada sasaran apa yang dikatakan mengikut " Pertalian darah daging " khasnya Ibu Soko ( emak angkat ) nya yang menerima pengkedinnya, adik beradik keluarga terdekat dan Suku Waris itu amnya.

Berkedin Aur Serumpun menggambarkan satu pengertian yang bukan sahaja tersurat bahkan tersirat jua. Tak faham jika tidak digali akar umbinya. Contohnya menyembelih seekor kerbau melambangkan begitulah sakitnya seorang ibu semasa melahirkan anak. Tumpahan darah dan seumpamanya.

Penyembelihan itu mesti dibuat didalam kampung Pesaka Adat. Tidak boleh disembelih dipasar atau dipadang. Ini mengingatkan kita bahawa seolah-olah anak yang dikedinkan itu lahir atau tumpah darahnya ditanah pesaka Adat.  
Perbilangannya :-

Rumah yang berkotak bertangga  
Kampung yang bersudut  
Sawah nan berjenjang.

Dagingnya yang dimasak dan dijamu semua anak-anak buah dalam saku tersebut. Doa pun ditampung menandakan kesyukuran.

### **Daging Mentah.**

Sedikit daging mentah, hati , kura, rabu, jantung dan lain-lain diagih kepada Lembaga, Buapak dan Besar Waris. Ia adalah pemeliharaan anak -anak buah kepada yang menjadi Ketua Adat.

Perbilangannya :-

Sikit tanda ingat  
Banyak tanda ada  
Hati gajah sama dilapah  
Hati kuman sama dicecah  
Kok banyak diberi berumpuk  
Kok sedikit diberi merasa

Alangkah unggulnya mesej yang diterapkan oleh budaya Adat Perpatih iaitu mengasuh dan melatih penganutnya beragama, berbudaya dan berbudi dalam perasaan yang halus.

### **Tepung Tawar.**

Istiadat menepung tawar anak yang berkedin dan Ibu Sokonya bermaksud mensucikan kedua mereka . Ini dilakukan oleh Buapak.

Kok makan biar yang halal  
Kok memakai biar yang bersih

## **Cecah Darah**

Istiadat cecah darah ini juga dibuat antara anak, ibu dan buapak. Pewarna atau esen merah digunakan bagi istiadat ini menggantikan darah haiwan yang disembelih. Darah seperti yang kita maklum adalah najis. Setelah anggota badan kita disuci dan dibersihkan tidak wajarlah dikotorkan pula. Dulu-dulu memang benar darah haiwan digunakan.

Hari ini kita berpegang kepada Hukum Adat dan Hukum Syarak yang bertimbal balik. Adat dan Agama bak aur dengan tebing, sandar menyandar. Agama Islam melengkap dan menyempurnakan Adat Perpatih.

Perbilangannya :-

Adat bersendikan syarak  
Syarak bersendikan hukum  
Hukum bersendikan Kitab Allah  
Syarak mengata  
Adat mengikut  
Syarak mendaki  
Adat menurun  
Syarak bertelanjang  
Adat bersamping

## **Pemberian Anakbuah**

Kain putih dan kain hitam diberikan kepada Dato' Lembaga melambangkan keikhlasan dan suci hati anak-anak buah menerima anak yang dikedinkan dan atas perkenan Dato' Lembaga iaitu Ketua Suku dan yang empunya Adat.

Orang berbudi kita berbahasa  
Orang memberi kita merasa.

## **Duit Adat**

Duit Adat adalah pemberian yang lazim kepada Ketua-Ketua Adat. Perbilangannya :-

Orang disuruh diberi belanja  
Orang ditambat diberi makan  
Orang ditarik diberi hasta

Orang beranak nak berupah bidan  
Orang menikah dengan hantarannya  
Orang hidup nak berbelanja  
Orang mati nak dikafankan  
Orang beradat mengisi adat pesakanya.

### **Sebuah Al - Quran.**

Sebuah Al-Quran menjadi saksi berlangsungnya Adat dan Istiadat tersebut.

Perbilangannya :-

Hukum berdiri dengan saksi  
Adat berdiri dengan tanda

### **Ikrar Sumpah Setia**

Ungkapan ikrar sumpah setia anak yang dikedinkan kepada Ibu Soko, Buapak dan Suku semasa Istiadat " Cecah Darah "

Jari manis kanan yang berkedin , Ibu Soko ( Penerima Pengkedinan ) Buapak di celup ke dalam air esen merah didalam mangkuk.

Ungkapan Buapak : Hari ini saya Tok Senara Setia , Buapak Adat Suku .....mengkedinkan .....dengan .....  
Suku Mungkal Luak Ulu Muar.

Kok ke langit sama diserakkan  
Kok ke bumi sama dibentangkan  
Kok darah sama merah  
Kok tulang sama putih  
Kok daging sama beratnya.

Jadi pada hari ini ,

Se uri setembunilah kita  
Se elakkan pusat  
Sembilu pembahagiannya  
Pesaka sama digilirkan  
Kebesaran sama diturunkan



## **Surat Akuan Berkedin.**

Akhirnya menandatangani surat akuan Berkedin yang disahkan oleh Dato' Lembaga. Dalam perakuan ini dicatat dengan jelas dan lengkap pemberian Tanah Kampung dan Sawah kepada yang berkedin. Dia berhak mendapat 1/3 bahagian Tanah pesaka Adat. Baki 2/3 Tanah Pesaka Adat itu diberikan kepada Waris yang terdekat.

Orang ditarik diberi harta  
Waris jangan ditinggalkan  
Orang diberi boleh sahaja  
Orang menebus padangnya luas.

Seterusnya mereka merafak Sembah Dato' Lembaga diikuti anak-anak buah .

Sekian, Maka selesailah Adat Berkedin Serumpun atau Berkedin Adat dan Pesaka

**Dato' Seri Maharaja  
Dato' Khalid bin Bonget PK,PJK.  
Tiang Balai  
Pengkulu Luak Ulu Muar.**

**Tanggal : 08hb, November 1998.**